

NO. SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

TARIKH : 28 MEI 2015

RUJUKAN : 7913

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak syarikat kawalan keselamatan yang telah ditamatkan lesen perniagaan semenjak tahun 2010 kerana melanggar peraturan-peraturan dan akta yang sedia ada.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2010, sehingga 28 Mei 2015 sebanyak 48 syarikat kawalan keselamatan telah dibatalkan lesen Agensi Persendirian milik mereka atas pelbagai kesalahan melanggar peraturan, undang-undang dan Akta Agensi Persendirian 1971.